

19 OCT 1999

Abdullah-kad

KABINET BINCANG STATUS AGAMA DI KAD PENGENALAN ESOK

PELABUHAN KLANG, 19 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengemukakan kepada kabinet esok maklumat balas yang beliau terima mengenai langkah kerajaan memasukkan butir mengenai agama seseorang dalam kad pengenalan bermutu tinggi (KPT) yang baru.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau telah menerima laporan bahawa ada pihak masih tidak puas hati dengan langkah itu.

Beliau berkata pihak itu mempercayai seolah-olah ada kemungkinan berlaku diskriminasi jika agama seseorang disertakan dalam kad pengenalannya.

"Kita sudah tidak dapat nak hapuskan kepercayaan itu atau memberikan keyakinan kepada mereka bahawa kita tidak ada sebarang niat untuk diskriminasi," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan kilang Kemira-Kuok Fertilizer Sdn Bhd di sini hari ini.

Beberapa pertubuhan bukan kerajaan seperti Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh telah meminta kerajaan mengkaji semula langkah itu kerana khuatir akan berlaku diskriminasi.

Sejak September lepas, Jabatan Pendaftaran Negara telah mengeluarkan kira-kira 100,000 KPT yang tertera butir mengenai agama pemiliknya. Bagaimanapun ia tidak mewajibkan orang ramai menukar kad pengenalan mereka kepada KPT yang baru itu.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata beliau masih lagi menerima bantahan daripada pihak-pihak yang mengulangi alasan serupa walaupun beliau telah berkali-kali menyangkal alasan itu.

Beliau berkata oleh kerana Jemaah Menteri sendiri yang memutuskan supaya nama agama diletakkan pada KPT, maka beliau akan mengutarakan bantahan serta pendapat pelbagai pihak itu untuk dibincangkan sekali lagi.

Ketika diminta mengulas cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya ditubuhkan Tabung Kewangan Asia Timur, Abdullah berkata beliau berharap pandangan Perdana Menteri itu mendapat perhatian serta pertimbangan yang sewajarnya.

"Saya percaya ramai yang akan tertarik dengan cadangan itu terutama apabila ia lahir daripada Perdana Menteri yang berpengalaman dalam menangani kegawatan ekonomi yang paling dahsyat sejak dua tahun lalu," katanya.

Semalam, dalam ucap utama pada Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur di Singapura, Dr Mahathir mencadangkan supaya dibentuk tabung itu yang akan bertindak sebagai badan pembiayaan serantau bagi menangani apa juga masalah kewangan yang dihadapi negara-negara rantau ini.

-- BERNAMA

azh mai